

21 JUL 1997

MAHATHIR PERSOAL MOTIF DI SEBALIK MASALAH MATA WANG

Oleh: Zainoor Sulaiman

OKAYAMA, (Jepun) 21 Julai (Bernama) -- Malaysia percaya masalah mata wang yang berlaku baru-baru ini di beberapa negara Asia Tenggara adalah akibat tindakan yang sengaja dibuat oleh yayasan yang berpangkalan di negara asing bagi menggugat kestabilan ekonomi negara-negara Asean, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kami berpendapat terdapat beberapa agenda lain terutama apabila spekulator yang menerajui sebuah yayasan yang berpangkalan di negara asing telah cuba mewujudkan sebuah masyarakat terbuka di salah sebuah negara Asia Tenggara bagi menekan ekonomi negara-negara Asean," tambah beliau.

Bercakap pada sesi dialog dengan masyarakat peniaga Okamaya di sini, Perdana Menteri berkata sungguhpun fundamental negara-negara berkenaan adalah baik dan ekonomi mereka adalah kukuh, tetapi masih terdapat percubaan oleh spekulator untuk menekan mata wang mereka.

Dr Mahathir berkata apabila dunia mengambil keputusan untuk mengapungkan mata wang dan bukannya menetapkan kadar tukarannya, ia telah menyebabkan berlaku pelbagai keadaan tidak stabil.

"Sejak beberapa tahun lepas (seperti yang telah ditunjukkan,) kami mampu menanganinya. Tetapi kini terdapat individu-individu tertentu yang mempunyai banyak wang yang ingin bersenda dengan membuat spekulasi terhadap mata wang untuk tujuan mangaut keuntungan bagi diri sendiri," tegas beliau.

"Kadang-kadang, mereka mempunyai agenda politik dan negara-negara Asean seperti Thailand, Filipina, Indonesia dan Malaysia menjadi sasaran mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan jiran-jirannya lebih berjaya daripada banyak negara maju begitupun terdapat tekanan ke atas matawang-matawang mereka untuk diturunkan nilai.

"Sebenarnya banyak orang kata bahawa ringgit Malaysia telahpun dinilai rendah dan ia patut dinilai semula," katanya.

Beliau berkata perbadanan minyak negara, Petronas, telah mencatatkan keuntungan lebih RM1 bilion dan ini malahan melebihi prestasi banyak syarikat besar asing dan begitupun terdapat tekanan untuk menurunkan nilai ringgit.

Semasa dialog dua jam itu, Perdana Menteri ditanya mengenai pelbagai soalan daripada Dasar Pandang Ke Timur hingga Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata disebabkan minat yang besar ditunjukkan oleh banyak peniaga untuk perhubungan terus udara dan laut di antara Malaysia dan Okayama, kira-kira 600 km di barat daya Tokyo, Malaysia Airlines mungkin menimbang mengendalikan penerbangan ke bandaraya ini.

Pada masa ini, Korean Airlines adalah satu-satunya syarikat penerbangan asing yang mengendalikan perkhidmatan lima kali seminggu ke daerah ini.

Perdana Menteri akan berlepas ke Kuala Lumpur esok, mengakhiri lawatan cuti sambil bekerjanya selama dua bulan yang membawa beliau ke beberapa negara termasuk Britain, Lebanon, Turki, Hungary dan Jepun. -- BERNAMA

ZS SHY DIN/OS